

BIDANG KEMAHIRAN: ASAS PERMAINAN KATEGORI PUKUL DAN MEMADANG

ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>Kemahiran Asas Permainan Kategori Pukul dan Memadang 1.8 Melakukan kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang dengan lakuan yang betul.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.8.1 Membaling bola dengan tangan lurus mengikut arah pusingan jam ke petak sasaran. 1.8.2 Membaling bola dengan tangan lurus melawan arah pusingan jam ke petak sasaran. 1.8.3 Memukul bola ke pelbagai arah dan jarak serta bergerak ke kawasan yang ditetapkan. 1.8.4 Menahan bola ke pelbagai arah dengan alatan pemukul dan bergerak ke kawasan yang ditetapkan. 1.8.5 Membaling bola menggunakan balingan bawah pada pelbagai kelajuan. 1.8.6 Menangkap bola yang melantun.</p>

ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>Aplikasi Pengetahuan dalam Kemahiran Asas Kategori Pukul dan Memadang 2.8 Mengaplikasikan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.8.1 Menyatakan cara membaling bola dengan tangan lurus ke petak sasaran. 2.8.2 Menerangkan perkaitan antara aplikasi daya dengan jarak pukulan. 2.8.3 Menjelaskan perkaitan antara kedudukan permukaan alatan pemukul dengan arah pergerakan bola semasa memukul atau menahan dengan alatan pemukul. 2.8.4 Mengenal pasti titik pelepasan (point of release) paling sesuai semasa melepaskan bola dalam kemahiran balingan bawah. 2.8.5 Menerangkan kedudukan tangan semasa menangkap bola lantun.</p>

ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>Pengurusan dan Keselamatan 5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Mematuhi etika berpakaian Pendidikan Jasmani ketika menjalankan aktiviti fizikal. 5.1.2 Menyimpan peralatan Pendidikan Jasmani berdasarkan spesifikasi alatan. 5.1.3 Mematuhi peraturan keselamatan di tempat melakukan aktiviti. 5.1.4 Mengenal pasti ruang selamat untuk melakukan aktiviti.</p>
<p>Tanggungjawab Kendiri 5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.2.1 Mempamerkan keyakinan untuk melakukan pelbagai kemahiran pergerakan. 5.2.2 Memilih tindakan untuk menyelesaikan masalah berkaitan kecergasan. 5.2.3 Menerima cabaran dan berasa seronok semasa melakukan aktiviti. 5.2.4 Menerima keputusan dalam permainan secara positif.</p>
<p>Interaksi Sosial 5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.3.1 Berkomunikasi antara rakan, guru dan ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kelebihan dan menerima kekurangan rakan sebaya. 5.3.3 Memberi dan menerima maklum balas secara terbuka.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
Dinamika Kumpulan 5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Melibatkan diri secara aktif sebagai ahli kumpulan. 5.4.2 Menerima ahli baharu dalam kumpulan yang dibentuk. 5.4.3 Membimbing ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti. 5.4.4 Menerima kelemahan rakan sepasukan dan kekuatan pihak lawan sebagai cabaran. 5.4.5 Berperanan sebagai ketua kumpulan. 5.4.6 Patuh kepada arahan ketua. 5.4.7 Bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh membaling bola dengan tangan lurus mengikut arah pusingan jam dan melawan arah pusingan jam, membaling bola menggunakan balingan bawah, memukul, menahan dan menangkap bola.
2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh membaling bola dengan tangan lurus mengikut arah pusingan jam dan melawan arah pusingan jam ke petak sasaran serta menyatakan cara membaling bola tangan lurus. Boleh membaling bola menggunakan balingan bawah pada pelbagai kelajuan.
3	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan aplikasi daya dengan jarak pukulan semasa memukul bola Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan kedudukan permukaan alatan pemukul dengan arah pergerakan bola semasa memukul atau menahan bola. Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan titik pelepasan paling sesuai semasa melepaskan bola ke sasaran dengan tangan lurus mengikut arah pusingan jam, melawan arah pusingan jam dan balingan bawah. Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan kedudukan tangan semasa menangkap bola lantun.
4	<ul style="list-style-type: none"> Boleh membaling bola ke sasaran dengan tangan lurus mengikut arah pusingan jam dan melawan arah pusingan jam, balingan bawah dan menangkap bola yang melantun dengan lakuan yang betul. Boleh memukul dan menahan bola dengan lakuan yang betul ke pelbagai arah dengan alatan pemukul serta bergerak ke kawasan yang ditetapkan. Boleh menahan bola dengan alatan pemukul dengan lakuan yang betul ke pelbagai arah dan bergerak ke kawasan yang ditetapkan.
5	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengaplikasikan kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang dengan lakuan yang betul dan tekal semasa bermain permainan kecil. Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang.
6	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mereka cipta permainan kecil yang melibatkan kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang. Boleh mematuhi peraturan keselamatan di tempat aktiviti semasa bermain permainan yang melibatkan kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang. Boleh menggunakan kemahiran asas permainan kategori pukul dan memadang sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.